KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. :

Bil. : KEW(S)100-0/2/20/KLT.9(123)

Tarikh : 27 Disember, 2013

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Agensi Kerajaan Negeri

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. 9/2013
GARISPANDUAN, PERATURAN DAN TATACARA PELAKSANAAN 'STATE COMPANY INFORMATION SYSTEM' (SCIS) VERSI 3.0

Datuk Matius Sator
SUT

1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garispanduan dan tatacara pelaksanaan 'State Company Information System' (SCIS) Versi 3.0.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri selaku '*stakeholder*' dan '*shareholder*' menyalurkan dana melalui geran, ekuiti dan pinjaman kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan sistem pengurusan data, SCIS sejak tahun 1988 yang membolehkan Kerajaan Negeri sentiasa memperolehi gambaran jelas mengenai maklumat am, prestasi dan kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat dari semasa ke semasa.

2.2 SCIS merupakan pangkalan data berpusat bagi semua Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat. SCIS versi 3.0 yang telah dilancarkan pada 28 Oktober 2013 bercirikan '*Web Based Application*' bagi membolehkan pangkalan data dicapai oleh Kementerian Pengawas, Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat selain Kementerian Kewangan selaku pemilik sistem.

MOODY INTERNATIONAL MS ISO/IEC 17021:2006 QS 10082001 CB 02 Rgn No : Q833188
ISO 9001:2008 Certified

(14) 23/1/14

3.0 OBJEKTIF PELAKSANAAN SCIS VERSI 3.0

3.1 SCIS versi 3.0 membolehkan objektif berikut dicapai:-

i. pangkalan data diakses oleh Kementerian Pengawas, Badan-Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat selain Kementerian Kewangan;

ii. data tepat dan kemaskini kerana input dilakukan oleh semua Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat;

iii. memudahkan proses kerja serta dapat menjimatkan masa dan kos tenaga kerja;

iv. tanggungjawab pemantauan dan pengawasan dikongsi bersama oleh Kementerian Pengawas dan Kementerian Kewangan.

4.0 TATACARA PELAKSANAAN SCIS VERSI 3.0

4.1 '*State Company Information System*' (SCIS) versi 3.0 boleh dicapai (accessed) melalui laman sesawang (website) yang seperti berikut:-

(a) Secara *Intranet di* http://sww.jpkn.sabah.gov.my/scis atau,

(b) Secara *Internet di* https://eg.jpkn.sabah.gov.my/scis

4.2 Bagi Kementerian dan Badan Berkanun Negeri, ia mempunyai dua (2) cara untuk mencapai laman SCIS tersebut iaitu melalui akses secara *intranet* atau *internet* kerana talian Sabah.Net yang digunakan ketika ini membolehkan capaian dibuat menggunakan mana-mana satu saluran capaian tersebut samada 4.1(a) atau 4.1(b) di atas.

4.3 Manakala semua Agensi Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat **hanya** boleh menggunakan capaian *internet* seperti dalam para 4.1(b) di atas sahaja.

4.4 Semua ketua organisasi adalah bertanggungjawab memastikan dan menyediakan kemudahan peralatan, talian internet dan rangkaian yang sewajarnya bagi membolehkan SCIS dilaksanakan di organisasi masing-masing. Walau bagaimanapun, pihak JPKN boleh dihubungi untuk mendapatkan bantuan teknikal bagi tujuan *setting* atau *setup* sistem.

4.5 Capaian ataupun akses (*access*) ke dalam SCIS adalah dikawal menggunakan pengenalan pengguna (*username/user identity*) dan kata laluan (*password*) mengikut paras (*level*) masing-masing, yang mana terdapat enam (6) paras pengguna yang telah ditetapkan dalam sistem SCIS. Paras pengguna dalam SCIS adalah ditentukan oleh Pentadbir Sistem berdasarkan kepada taraf jawatan pengguna dalam organisasi masing-masing. Pengguna adalah dikenalpasti dan dipilih oleh pihak agensi sendiri.

Selain dari itu, semua Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua Badan Berkanun Negeri, Ketua Agensi Kerajaan Negeri juga diberi capaian (*access*) ke dalam SCIS.

4.6 Badan-Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat hendaklah mengenalpasti dan mengemukakan senarai nama pegawai yang diberi kuasa untuk mengendalikan SCIS kepada Pentadbir Sistem untuk diberi nama pengguna dan kata laluan. Seorang pegawai hendaklah dilantik sebagai Pegawai Perhubungan SCIS.

4.7 Semua Ketua Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk memastikan kakitangan yang telah diberi tugas membuat input dan mengemaskini data dalam SCIS melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

4.8 Sebarang penambahan/pertukaran/pembatalan pengguna SCIS mestilah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan secara bertulis, atau melalui e-mel kepada Pentadbir Sistem untuk tindakan sewajarnya.

4.9 Semua Kementerian Pengawas, Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan semua anak syarikat di bawah jagaan masing-masing juga melaksanakan sistem ini. Untuk itu, Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah memastikan perkara-perkara seperti berikut:-

(I) pekeliling ini dapat dipanjangkan kepada semua anak-anak syarikat masing-masing;

(II) semua pengguna SCIS anak-anak syarikat diberi latihan yang sewajarnya;

(III) mengenalpasti dan mengemukakan senarai pengguna sistem kepada Kementerian Kewangan dan JPKN untuk tindakan selanjutnya;

(IV) ada kemudahan peralatan yang sesuai dan serasi serta talian internet disediakan untuk semua pengguna SCIS.

5.0 PERATURAN DAN KESELAMATAN SISTEM

5.1 Bagi memastikan kerahsiaan maklumat rasmi kerajaan terjamin, semua pengguna SCIS mesti menandatangani Perjanjian Tanpa Pendedahan atau *Non Disclosure Agreement (NDA)* berdasarkan Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) sebagai salah satu langkah dalam menangani isu kebocoran maklumat. (Sila lihat Lampiran A).

5.2 Borang NDA yang telah siap dilengkapkan dan ditandatangani hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan sesalinan borang tersebut disimpan di organisasi masing-masing.

5.3 Semua Pengguna SCIS hendaklah menggunakan pelayar (*browser)* yang dibenarkan sahaja, iaitu '***Internet Explorer***' versi 6.0 dan ke atas untuk melaksanakan operasi SCIS bagi memastikan keserasian SCIS dengan *browser* dan mengelakkan insiden kehilangan data dan masalah lain yang mungkin timbul akibat penggunaan *browser* yang tidak serasi.

5.4 Semua pengguna SCIS mestilah menggunakan nama pengguna dan kata laluan masing-masing dan mestilah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan kerahsiaan maklumat pengguna dan kata laluan tersebut. Sebarang bentuk perkongsian identiti dan kata laluan pengguna adalah dilarang sama sekali dan pihak Kementerian Kewangan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat pelanggaran kepada peraturan ini.

5.5 Agensi bertanggungjawab mematuhi Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam Negeri (DKICT) dalam penggunaan sistem aplikasi untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan data kerajaan negeri. Surat Akuan Pematuhan DKICT yang terkandung di dalam DKICT perlu ditandatangani oleh semua pengguna SCIS selepas diberi taklimat ringkas mengenai DKICT.

5.6 Semua Pengguna SCIS bertanggungjawab melapor insiden keselamatan ICT seperti berikut kepada Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) agensi dan/atau Bahagian Keselamatan, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri selaku Urusetia Sabah Government Computer Emergency Response Team (sgCERT) melalui telefon 088-272249 / 088-272259 atau alamat emel : keselamatan.jpkn@sabah.gov.my dengan kadar segera:-

a) Maklumat di dalam sistem didapati hilang, didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak diberi kuasa atau, disyaki hilang atau didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak diberi kuasa;

b) Sistem yang digunakan tanpa kebenaran atau disyaki sedemikian;

c) Kata laluan atau mekanisme kawalan akses hilang, dicuri atau didedahkan, atau disyaki hilang, dicuri atau didedahkan;

d) Berlaku kejadian sistem yang luarbiasa seperti kehilangan data/fail, sistem kerap kali gagal dan komunikasi tersalah hantar; dan

e) Berlaku percubaan menceroboh, penyelewangan dan insiden-insiden yang tidak dijangka terhadap sistem.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pekeliling ini terpakai untuk semua Kementerian, Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri, Syarikat Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat.

7.0 TARIKH BERKUATKUASA

7.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada **2 Januari, 2014.**

8.0 PENUTUP

8.1 Sekiranya ada sebarang kemusykilan mengenai pelaksanaan sistem ini, sila berhubung dengan pegawai-pegawai di bahagian-bahagian berikut:-

(a) Bantuan Teknikal:-

Bahagian Pembangunan Sistem,
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Talian Telefon: 088-272444, 088-272210, 088-272306

(b) Masalah Data dan Sistem:-

Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan,
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Talian Telefon: 088-251511, 088-251513, 088-251516

8.2 Garispanduan, peraturan dan tatacara dalam pekeliling ini telah menjelaskan peranan dan tanggungjawab pelaksanaan SCIS versi 3.0. Adalah diharapkan semua pihak yang terlibat memberikan kerjasama menjayakan pelaksanaan Sistem ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CAKAP DAN AMANAH"

(DATUK PG. HASSANEL BIN DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap

SK. Setiausaha Kerajaan Negeri

SK. Bendahari Negeri Sabah
Kota Kinabalu.

SK. Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah
Kota Kinabalu.

SK. Pengarah,
Jabatan Audit Negara,
Kota kinabalu.

LAMPIRAN A

KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH
WISMA KEWANGAN, KOTA KINABALU.

PERJANJIAN TANPA PENDEDAHAN
(NON-DISCLOSURE AGREEMENT)

Saya, dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi, 1972 (Akta 88) dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam akta tersebut. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu benda rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia atau sesuatu benda rahsia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 8, Akta itu, (sila lihat sebelah) yang boleh dihukum penjara tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak lebih dari tujuh tahun.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau bertulis, kepada sesiapa juga dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan :

Nama Penuh * :

Jawatan * :

Tarikh :

*** Sila gunakan huruf besar.**

(Petikan dari Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta 88)

Menyampaikan, dan sebagainya, rahsia rasmi dengan salah.

8. (1) Jika seseorang yang ada dalam miliknya atau kawalannya sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi yang rahsia yang:-

(a) berhubungan dengan atau digunakan di sesuatu tempat larangan atau yang berhubungan dengan apa-apa jua di sesuatu tempat itu;

(b) berhubungan dengan kelengkapan perang dan perkakas, kelengkapan dan jentera lain yang digunakan dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia;

(c) telah dibuat atau didapati bersalahan dengan Akta ini;

(d) telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya oleh seseorang pegawai awam; atau

(e) telah dibuat atau didapatinya atau yang dia mempunyai akses kepadanya, disebabkan oleh kedudukannya sebagai seorang yang memegang atau telah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak yang dibuat bagi pihak Kerajaan, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah diambil, kerja dengan atau di bawah seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak itu,

melakukan mana-mana yang berikut:-

(I) menyampaikan secara langsung atau tidak langsung sesuatu maklumat atau benda itu kepada sesuatu negara asing selain negara asing yang kepadanya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyampaikannya atau kepada seseorang lain selain orang yang kepadanya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyampaikannya atau yang kepadanya dia berkewajipan menyampaikannya;

(II) menggunakan sesuatu rahsia rasmi atau benda seperti yang tersebut di atas untuk faedah sesuatu negara asing selain negara asing yang bagi faedahnya dia diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menggunakannya atau dengan apa-apa cara lain yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia;

(III) menyimpan dalam milik atau kawalannya mana-mana benda seperti yang tersebut di atas apabila dia tidak berhak menyimpannya, atau apabila berlawanan dengan kewajipannya bagi menyimpannya, atau tidak mematuhi segala arahan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang sah berkenaan dengan pemulangan atau pelupusan benda itu; atau

(IV) tidak menjaga dengan cara yang berpatutan, atau bertingkah laku sehingga membahayakan keselamatan atau kerahsiaan, sesuatu rahsia rasmi atau benda seperti yang tersebut di atas, orang itu melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

(2) Jika seseorang menerima sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal, atau kata laluan rasmi yang rahsia, dengan mengetahui atau ada alasan yang munasabah bagi mempercayai, pada waktu dia menerimanya itu, bahawa rahsia rasmi, perkataan kod, isyarat timbal, atau kata laluan itu disampaikan kepadanya bersalahan dengan Akta ini, dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun, melainkan jika dia membuktikan bahawa rahsia rasmi, perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan itu telah disampaikan kepadanya dengan tidak dikehendaki olehnya.